

September 22, 2024

Sebab di mana ada iri hati dan mementingkan diri sendiri di situ ada kekacauan dan segala macam perbuatan jahat. Tetapi hikmat yang dari atas adalah pertama-tama murni, selanjutnya perdamaian, peramah, penurut, penuh belas kasihan dan buah-buah yang baik, tidak memihak dan tidak munafik. Atau kamu berdoa juga, tetapi kamu tidak menerima apa-apa, kerana kamu salah berdoa, sebab yang kamu minta itu hendak kamu habiskan untuk memuaskan hawa nafsumu.

Yakobus 3: 16 -18,4:3

www.heraldmalaysia.com



Gambar kredit/Ministry of Digital Development and Information (MDDI))

KASIH ialah INTI Injil

SINGAPURA: Keindahan seni bina hebat dan kreatif menjadikan kota Singapura sangat terkenal dan menarik, kata Sri Paus Fransiskus pada awal homilinya di Singapura pada petang Khamis, September 12, 2024.

Sri Paus Fransiskus merayakan Misa di Stadium Nasional Singapura, sebuah mercu tanda negara, pada hari terakhir lawatannya ke tiga negara di Asia Tenggara dan sebuah negara Oceania yang bermula pada September 2 hingga 13.

Sri Paus Fransiskus berada di Jakarta, ibu negara Indonesia, pada September 3 hingga 6. Kemudian, Uskup Roma itu terbang ke timur untuk melawat Port Moresby, ibu negara Papua New Guinea dan Vanimo pada September 6-9.

Perhentian seterusnya ialah Dili, ibu negara Timor-Leste, pada September 9-11.

Dari Timor-Leste, Bapa Suci ke Singapura untuk lawatan tiga hari pada September 11-13.

“Perpaduan, Harapan dan Salib” yang dipilih oleh Keuskupan Agung Singapura, bagi meraikan peristiwa perjalanan apostolik Sri Paus Fransiskus ke republik itu.

Tidak ada yang kekal kecuali kasih

Semasa memimpin Misa Kudus di Stadium Nasional Singapura, Bapa Suci menegaskan bukan wang, teknik, atau kebolehan kejuruteraan yang membolehkan kerja-kerja besar dicapai oleh manusia tetapi kasih.

Mungkin kenyataan ini dianggap naif, lebih-lebih lagi di sebalik karya-karya cemerlang adalah orang-orang yang kuat, kaya, kreatif, namun sentiasa ada lelaki dan wanita yang rapuh, seperti kita, yang tanpa cinta, tiada kehidupan, tiada dorongan, tiada sebab untuk bertindak dan tiada kekuatan untuk membina.”

“Saudara dan saudari yang dikasihi,” kata Bapa Suci, “Sesuatu yang baik, yang kekal di dunia ini adalah kerana cinta telah mengatasi kebencian, perpaduan mengatasi sikap acuh tak acuh, kemurahan hati mengatasi mementingkan diri sendiri.”

“Tanpa kasih, tiada siapa di sini akan dapat mewujudkan kota metropolis yang begitu hebat, kerana arkitek tidak akan dapat membuat reka bentuknya, pekerja tidak akan dapat mengusahakannya dan tiada apa yang akan dicapai,” tegas Bapa Suci.

Tambahnya, “Bangunan yang paling indah, harta yang paling berharga, pelaburan yang paling menguntungkan di mata Tuhan ialah diri kita sendiri, kerana kita ialah anak-anak yang dikasihi oleh Bapa (lih. Luk 6:35) serta

dipanggil untuk menyebarkan kasih.”

Sri Paus Fransiskus mengingatkan umat bahawa Tuhan mencipta setiap kita atas dasar cinta, menurut imej-Nya dan kasih Tuhan-lah yang menebus kita, membebaskan kita daripada dosa dan kematian melalui kematian dan kebangkitan Putera-Nya yang tunggal.”

Memantulkan cinta dalam tindakan kita

Memetik kata-kata pendahulunya, Sto Yohanes Paulus II, “dalam cinta, kita melihat pantulan kasih Tuhan...cinta yang sangat dihormati oleh semua orang, tanpa mengira bangsa, kepercayaan, atau apa sahaja yang menyebabkannya mereka berbeza dengan diri kita sendiri.”

“Ini adalah kata-kata penting bagi kita kerana, di sebalik kekaguman kita terhadap karya-karya, ia mengingatkan kita bahawa ada keajaiban yang lebih besar, yang harus dirangkul dengan kekaguman dan penghormatan yang lebih besar: iaitu, saudara dan saudari yang kita temui, tanpa diskriminasi, setiap hari di jalan kita, seperti yang kita lihat dalam masyarakat Singapura dan Gereja yang terdiri daripada pelbagai etnik tetapi bersatu dan dalam perpaduan!”

Sri Paus Fransiskus seterusnya berkata bahawa kasih Tuhan menjemput kita untuk berkongsi dengan orang lain, untuk bertindak balas dengan murah hati kepada keper-

luan orang miskin, untuk memberi semangat kepada mereka yang menderita, dan untuk sentiasa bersedia untuk mengampuni dan berharap”.

Kasih, katanya, “adalah inti Injil” – menulangi seruan Sto Sri Paus Yohanes Paulus II yang pernah memimpin Misa di Stadium Nasional, Singapura, November 20, 1986.

Dua rasul besar belas kasihan

“Sesungguhnya,” kata Sri Paus, “kita dapat melihat kasih ini dalam kebanyakan orang kudus, lelaki dan wanita yang telah ditakluki oleh cinta Tuhan. Mereka berkarya dengan penuh belas kasihan sehingga menjadi cerminan atau gema belas kasihan Tuhan yang hidup.”

Sri Paus menyatakan dua figura belas kasihan yang hebat iaitu Santa Perawan Maria dan misionari awal ke Asia iaitu Sto Francis Xavier.

Dengan meneladani kata-kata Bonda Maria dan Sto Francis Xavier, “Tuhan, inilah aku; apa yang Engkau mahu saya lakukan?” semoga mereka dapat menemani kita bukan sahaja pada hari ini, tetapi sepanjang masa, mendorong komitmen kita untuk mendengar dan menyahut dengan senang, undangan untuk mengasihi dan hidup adil yang bersumber dari kasih Tuhan yang tidak terhingga.”

media Vatikan/licas.news.

Kesilapan adalah manusiawi

Tiada yang penting selain memaafkan. Memaanfaikan ialah kunci kebahagiaan dan keperluan rohani yang amat penting dalam hidup kita.

Kita perlu memaafkan, berdamai dengan kelukaan dan ketidakadilan yang kita alami agar kita tidak mati dalam keadaan marah.

Sebelum kita mati, kita perlu memaafkan — orang lain, diri kita sendiri, dan Tuhan, atas apa yang berlaku dalam hidup ini.

Tetapi, itu tidak mudah dilakukan, malah selalunya ia sukar dilaksanakan.

Ini perlu dibicarakan dengan mendalam kerana pada hari ini, terdapat banyak sarana di sekeliling kita yang bertujuan baik, yang menyokong kenyataan bahawa pengampunan sebenarnya adalah berkaitan dengan sikap rela memaafkan dan meneruskan kehidupan.

Biarkan kemarahan atau dendam itu pergi dan terus hidup! Tetapi, seperti yang kita semua tahu, kelukaan pada jiwa memerlukan masa, tempoh yang lama, untuk sembuh, dan prosesnya sangat perlahan malah tidak boleh dicepatkan.

Sesungguhnya, trauma akibat luka emosi sering menjelaskan kesihatan fizikal kita. Oleh sebab itu, penyembuhan memerlukan masa.

Dalam menelusuri persoalan penyembuhan dan pengampunan, kita boleh mendapatkan pandangan berharga daripada kerohanian Yahudi dan Kristian mengenai hari Sabat.

Panduan ini sudah lama tetapi terabai. Mengkalkan Sabat bukan sekadar menghormati hari tertentu dalam seminggu; ia sebenarnya satu formula untuk pengampunan.

Caranya berfungsi begini: Teologi dan kerohanian Sabat mengajar kita bahawa Tuhan mencipta dunia dalam tempoh enam hari dan kemudian berehat pada hari ketujuh, hari Sabat.

Malah, bukan sahaja Tuhan berehat pada hari Sabat, Tuhan secara kekal mengisytiharkan hari ketujuh sebagai hari rehat untuk semua orang, dan dengan itu Tuhan menetapkan irama tertentu untuk hidup kita.



Irama itu sepatutnya berfungsi dengan cara berikut:

- Kita bekerja selama enam hari, kemudian berehat selama satu hari.
- Kita bekerja selama tujuh kali tujuh tahun, empat puluh sembilan tahun, kemudian mempunyai jubli di mana dunia merayakan sabatikal.
- Kita bekerja selama tujuh tahun, kemudian berehat selama satu tahun (sabatikal).
- Sekarang, dari irama itu ia mendorong kita bergerak ke arah pengampunan.
- Kita boleh menyimpan dendam kecil selama tujuh hari, selepas tujuh hari, kita perlu melepaskan dendam tersebut.
- Kita boleh menyimpan dendam besar selama tujuh tahun, tetapi kemudian kita perlu melepaskannya selepas tujuh tahun (berdasarkan "had statut" umum).
- Kita boleh menahan luka yang menyayat jiwa selama empat puluh sembilan tahun, tetapi selepas itu, lepaskannya.
- Kita boleh menahan luka besar yang menghancurkan jiwa sehingga kematian

kita, tetapi kemudian kita perlu melepaskannya.

Ini sebenarnya menyerahkan sesuatu yang kerap 'hilang' atau diabaikan di kalangan terapeutik dan rohani hari ini, iaitu kita memerlukan masa untuk dapat memaafkan, dan tempoh masa yang diperlukan adalah bergantung kepada kedalaman kelukaan. Oleh itu, sebagai contoh:

- Apabila kita dihina oleh rakan sekerja semasa mesyuarat, kita memerlukan sedikit masa untuk merajuk tentang ketidakadilan itu, tetapi biasanya dalam beberapa hari kita boleh mengenepikan perasaan rajuk itu dan melupakannya.
- Apabila kita diberhentikan kerja oleh majikan yang tidak adil, tujuh hari atau tujuh minggu selalunya tidak cukup bagi kita untuk memaafkan, apatah lagi melupakan kelukaan. Tujuh tahun sebenarnya adalah jangka masa yang realistik.
- Ada trauma yang kita alami menyebabkan luka amat dalam pada diri kita, yang mungkin di sebabkan oleh majikan yang tidak adil, yang melayan kita

secara tidak adil.

- Terdapat luka yang kita alami akibat penderaan, diabaikan, dan ketidakadilan bertahun-tahun yang memerlukan lebih daripada tujuh tahun untuk sembuh.
- Ia mungkin mengambil masa empat puluh sembilan tahun, atau setengah abad, untuk berdamai jika kita pernah dibuli semasa kanak-kanak atau didera secara emosi atau seksual pada masa muda kita.
- Terdapat luka yang begitu dalam dan traumatis yang hanya dapat dilepaskan semasa kita di ambang maut, di mana kita dapat berdamai dengan fakta bahawa ia sudah terjadi, memaafkan individu tersebut atau pihak-pihak yang bertanggungjawab ke atasnya.
- Akhir sekali, mungkin terdapat luka yang terlalu dalam dan terlalu menyakitkan untuk diproses dalam hidup ini.

Keupayaan untuk memaafkan lebih bergantung pada rahmat daripada kemauan.

Pepatah mengatakan, melakukan kesilapan ia adalah manusiawi, tetapi memaafkan adalah ilahi.

Slogan kecil ini mengandungi kebenaran yang mendalam. Apa yang menjadikan pengampunan begitu sukar, malah mungkin mustahil, bukan disebabkan kerana ego kita.

Tetapi kerana luka yang kita alami itu seperti kecederaan pada tubuh yang melemahkan sistem kekuatan kita.

Terutamanya untuk trauma yang menyayat jiwa dan menghancurkan jiwa, ia mengambil masa empat puluh sembilan tahun atau seumur hidup untuk sembuh, atau kadang-kadang tidak dapat diubati seumur hidup ini.

Luka seperti ini secara radikal melemahkan kita, tidak dapat memaafkan orang yang melakukan ini kepada kita, menjadikannya sangat sukar untuk kita memaafkan.

Tetapi, jangan lupa Sang Penyembuh. Dengan membuka hati untuk dirangkul dalam penyembuhan-Nya, kita didorong untuk memaafkan. Aleteia

Ditolak, menderita, disalib dan bangkit lagi!

Ketika saya membaca Injil Markus seluruhnya, Yesus sampai tiga kali secara terbuka mengatakan kepada murid-murid-Nya, bahawa Dia akan ditolak, menderita, disalib, tetapi akan bangkit lagi (Mrk 8:31-33; Mrk 9:30-32; Mrk 10:32-34).

Dalam ketiga-tiga ucapan-Nya itu, Yesus menyampaikan tiga pesan khusus.

Pertama: Yesus mahu menegaskan, bahawa setiap orang yang mahu mengikuti Dia, harus mahu menyerahkan nyawa, penuh dengan dedikasi demi kepentingan Tuhan dan sesama.

Kedua (Injil hari ini!): Yesus menegaskan, agar kita jangan hanya mencari kehormatan diri sendiri dan mencari kedudukan tinggi, tetapi memiliki sikap dasar seperti anak kecil.

Ketiga: Yesus menuntut kesediaan/kesanggupan murid-Nya untuk saling melayani.

Arah perjalanan Yesus ke salib dan kebangkitan-Nya memang sukar untuk difahami oleh murid-murid-Nya!

Apakah pendirian dan sikap kita sekarang ini berbeza, bila dibandingkan dengan sikap murid-murid Yesus yang dahu-lunya bergaul dengan Yesus, mendengar

sabda-Nya dan menyaksikan hidup-Nya?

Kenyataan yang ada, baik dahulu maupun sekarang, adalah kejahanan.

Tidak menghairankan bahawa dalam doa Bapa Kami yang diucapkan Yesus dan diajarkan kepada kita terdapat permohonan: "Bebaskanlah kami dari yang jahat".

Nah, dalam menghadapi kenyataan jahat itulah kita harus mahu dan berani menghadapi salib!

Itulah yang dialami dan dilakukan Yesus sendiri! Apakah kita ingin atau mahu secara lain dan menempuh jalan lain daripada yang harus ditempuh Yesus? Apakah sebenarnya yang disebut salib?

Secara alkitabiah apa yang disebut salib bukanlah setiap penderitaan atau kesengsaraan fizikal maupun bencana yang kita alami.

Memang banyak kesusahan atau penderitaan yang kita alami, namun itu tidak semestinya salib.

Sebab kesusahan itu dapat diatasi dengan usaha dan pertolongan orang lain, misalnya kesukaran ekonomi, perlakuan sosial tak adil.

Apa yang disebut salib ialah apa yang dialami oleh Yesus sendiri, iaitu manusia

yang menolak kebaikan Tuhan.

Yesus datang untuk berbaik-baik, namun ditolak. Inilah salib yang sebenarnya.

Yesus memang menderita dan mati, tetapi Dia bangkit semula! Apa erti?

Penderitaan merupakan salib, apabila ia diikuti kebangkitan! Mengapa? Kerana dalam salib dan kebangkitan Yesus adalah dua segi atau muka dari satu kenyataan yang tak terpisahkan! Bila tidak ada kebangkitan, kejahanan tidak dapat dikalahkan!

Sama juga, jika tidak ada kebangkitan tanpa salib! Inilah masalah yang sukar difahami oleh murid-murid Yesus, meskipun Yesus menegaskan sehingga tiga kali, bahawa Dia harus menderita dan mati untuk mengatasi kejahanan, tetapi mereka masih tidak faham!

Murid-murid Yesus tidak memahami penderitaan, kematian dan kebangkitan. Malah murid-murid-Nya bukan berbicara tentang penderitaan dan kematian Yesus sebaliknya bertengkar siapa yang terbesar di antara mereka!

Bukankah pandangan dan sikap murid-murid Yesus itu juga pandangan dan sikap kita sekarang?

**HARI MINGGU
BIASA KE-25**

TAHUN B

KEBIJAKSANAAN 2:12.17-20

YAKOBUS 3:16-4:3

INJIL MARKUS 9:30-37

Yesus menegaskan kepada kita: "Sesiapa menerima seorang anak seperti ini demi nama-Ku, dia menerima Aku". Ertinya, anak kecil yang belum tahu apa-apa, belum dapat membuktikan kehebatannya, masih mengharapkan ibu bapanya, adalah pilihan Yesus.

Yesus memanggil dan menerima murid-murid-Nya meskipun belum berjasa! Itulah kerohanian Kristian sejati, yang harus kita miliki dalam hidup dan pergaulan antara sesama.

Akhirnya pesan Injil hari ini ialah: kita bukan hanya perlu mahu dan berani berkorban dan mati untuk mempertahankan iman atau agama kita, tetapi kita juga perlu kemauan dan berani meninggalkan fikiran dan kepentingan kita sendiri, agar sungguh mampu memihak kepada Yesus, dan sungguh-sungguh mengikuti ajaran, sikap dan pola kehidupan-Nya. — Msgr F.X. Hadisumarta O.Carm.

60 belia SFA: Mempersembah bakat demi pelayanan

Tracy Chin Lee Fong

CHERAS: Belia Kerasulan Umat Bahasa Malaysia (BKUBM) julung kali telah menganjurkan program *St Francis of Assisi Youth Day* (SFAYD) dengan tema "Tuhan sumber Pengharapan" (ROMA 15:3).

Seramai 60 orang belia, dari usia 11 hingga 39 tahun, menyertai program yang bermula pada Ogos 9-11, 2024.

Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang program ialah *Candle Light Rosary* di hadapan Grotto Bonda Maria, sesi *ice breaking*, beberapa siri katekesis, doa, meditasi pagi, sukaneka dan sesi perkongsian dalam kumpulan.

Dua orang penceramah utama bagi acara ini ialah Fr Alberto Irenus David dari Gereja St Francis Xavier, Petaling Jaya dan

Fr Michell Dass dari Gereja St Anthony, Pudu.

Sesi pertama bertajuk "Siapakah Saya?" disampaikan oleh Fr Alberto, yang menjelaskan kepada para peserta, siapakah diri mereka sekali gus mengajak belia mengenali diri mereka dan menggunakan bakat-bakat mereka demi meneruskan misi Kristus di dunia.

Dalam sesi kedua bertajuk, "Kristus Pohon Anggur" menekankan tiga sub topik iaitu: "Siapakah Yesus bagi diri saya?"; "Bagaimana Yesus telah memilih saya?" dan "Peranan Bonda Maria dalam Gereja dan hidup saya".

Fr Michell Dass dalam sesi terakhir menyampaikan katekesis bertajuk "Pelayanan" yang menekankan tiga topik kecil iaitu: "Menjala Manusia", "Di manakah saya?" dan "Kekuatan diri saya."

Dalam sesi ini, para belia dibimbing melakukan pelayanan berdasarkan bakat yang dikurnianya oleh Tuhan.

Para peserta turut diseru untuk menghargai dan mengasihinya belia lain serta berusaha membawa Yesus kepada belia yang masih belum mengenali-Nya atau yang

telah lama tidak kembali ke Gereja.

Kemuncak acara ialah "Kidung Belia" iaitu sesi pujian dan penyembahan yang dikendalikan oleh Team Puji Sembah dan Team Muzik di Dewan St John Paul II. Sesi ini merupakan kemuncak

program di mana para peserta menyanyikan lagu-lagu pujian sambil memperkuuh hubungan sesama mereka.

Hari Belia St Francis of Assisi diakhiri dengan doa penutup oleh Ketua BKUBM iaitu Sdra Kennedy Finjau.



Hari Keluarga OLL rai kepelbagaian budaya

KLANG: Gereja *Our Lady of Lourdes* (OLL) telah merayakan Hari Keluarga bertema, "Datang Bersama sebagai Satu Keluarga, Satu Gereja" pada September 1 yang lalu.

Hari Keluarga ini dimulakan dengan Misa Kudus yang dipimpin oleh pembantu paderi paroki OLL, Fr Gnana Selvam Berentis (Fr Selva).

Semasa Misa, keluarga yang datang dari pelbagai latar belakang etnik, memakai pakaian tradisional mereka yang menonjolkan kepelbagaian etnik di paroki OLL, mengambil bahagian dalam perarakan memasuki Gereja, yang menonjolkan kepelbagaian budaya

di paroki OLL.

Misa ini dikendalikan oleh *Ministri Junior Prayer*.

Hari Keluarga dilancarkan secara rasmi oleh paderi paroki Fr Gregory Chan dan penolongnya, Fr Selva.

Hari Keluarga yang bertujuan untuk memupuk perpaduan, menggalakkan kerjasama berpasukan dan mengeratkan tali persaudaraan dalam KED ini dianjurkan oleh *Ministri Hidup Keluarga (Family Life Ministry)*.

Antara aktiviti menarik semasa Hari Keluarga ialah pertandingan Gerai Terbaik dan permainan.

Komuniti Kerasulan Umat berbahasa Malaysia (KUBM) telah

memenangi pertandingan perhiasan Gerai Terbaik kerana hiasan gerai mereka yang unik dan kreatif.

Saringan Kesihatan dan vakinasasi *Human Papillomavirus (HPV)* percuma juga disediakan untuk mereka yang berumur 13 tahun hingga 26 tahun. Teristikewa, kedua paderi paroki juga membuka kios buah-buahan yang menjual pelbagai jenis buah-buahan segar. Hadirin juga dihiburkan dengan dengan persembahan hiburan gabungan klasik dan kontemporari selain

Hari Keluarga ditutup dengan Misa Komuniti yang dipimpin oleh Fr Gregory Chan. *Ministri Hidup Keluarga OLL*

Nasib malang dan takdir



Tanya Jawab

Adakah anda mempunyai persoalan agama, Kitab Suci atau ajaran Gereja? Hantarkan soalan anda ke:

HERALD
5, Jalan Robertson,
50150 Kuala Lumpur

Tel: 03-2026 8291
E-Mel:
liza@herald.com.my

Soalan: Saya banyak menonton drama tempatan dan kebanyakannya dialog dalam drama itu mengatakan, "Ini semua sudah takdir Tuhan!" Apakah dalam Gereja Katolik berlaku dan ada takdir (semua sudah ditentukan Tuhan)? — Andreas

Jawaban: Gereja Katolik, berpegang pada pengertian atau prinsip '*predestination*', bahawa Tuhan menghendaki semua orang diselamatkan. Gereja tidak mengajar '*double predestination*' bahawa Tuhan dari awal sudah menentukan orang-orang yang akan masuk ke syurga (diselamatkan) dan orang-orang yang masuk neraka (tidak diselamatkan), seperti yang diajarkan oleh Calvinism (1509-1564).

Calvinism mengatakan Tuhan yang menghendaki adanya kejahatan atau kemalangan, sehingga pengkhianatan Yudas pun seolah-olah sudah ditentukan, atau ditakdirkan oleh Tuhan. Rahmat seakan hanya untuk yang baik, sehingga mereka yang ditakdirkan jahat atau mendapatkan celaka. — pandangan seperti ini ditolak oleh Konsili Trente.

Dalam Kitab Suci, Yesus bersabda, "Bapa-Mu yang di Syurga, yang menerbitkan matahari bagi orang yang jahat dan orang yang baik dan menurunkan hujan bagi orang yang benar dan

bagi orang yang tidak benar" (Mat 5:45). Petikan ini mengungkapkan bahawa Tuhan berkehendak menyelamatkan semua orang, bahawa Tuhan mahu semua orang menerima keselamatan itu dan Tuhan tidak pernah mengurangi atau memilih-milih untuk menyelamatkan.

Demikian juga, Tuhan tidak menghendaki atau menurunkan celaka atau kemalangan terhadap seseorang.

Itulah yang sebenarnya ditentukan Tuhan: keselamatan! Benar bahawa keselamatan hanya ada melalui, dalam dan dari diri Yesus Kristus, namun keselamatan tersebut menuntut sahutan bebas manusia. Tuhan selalu memberi ruang dan kebebasan pada manusia. Jika mereka berpaling daripada Tuhan, mereka tetap mempunyai ruang kesempatan lagi untuk berusaha memperoleh keselamatan.

Sri Paus Leo IX dalam suratnya pada tahun 1053 menulis, Tuhan hanya menentukan yang baik, biar pun Dia tahu ada yang jahat, tetapi yang tidak baik bukan berasal daripada-Nya.

Kalau Tuhan hanya menghendaki yang baik, mengapa ada orang yang berasib kurang baik?

Ketika para murid melihat seorang yang buta sejak lahir, mereka bertanya siapa yang salah? Jesus menjawab bahawa tidak sesiapa pun yang bersalah namun "pekerjaan-pekerjaan Tuhan

harus dinyatakan di dalam dia" (Yoh 9:2-3).

Gereja mengakui bahawa kejahatan dan kemalangan akan sentiasa berlaku dalam hidup manusia. Bahawa ada orang yang selalu tidak berasib baik malah seakan-akan selalu malang. Namun Tuhan bukan penyebabnya, sebagaimana dalam kisah perumpamaan gandum dan la-lang (Mat 13:24-30).

Kenyataan tersebut menjadi ajakan untuk membuat pilihan dengan tekun dalam pilihan bebas, mengarahkan hidup kita kepada Tuhan, yang dengan misteri-Nya menyelenggarakan hidup kita dalam kerangka tata keselamatan-Nya.

Mengaitkan nasib malang dan bencana berpunca daripada Tuhan adalah bertentangan dengan ajaran Katolik bahawa Tuhan tidak menghendaki celaka, sebaliknya Tuhan hanya menghendaki keselamatan bagi semua.

Satu-satunya takdir yang dikehendaki Tuhan adalah keselamatan. Persoalannya, bagaimana kita menyikapinya?

Jangan cepat menyalahkan Tuhan kerana nasib buruk menimpa kita sebaliknya datang dan membuka diri untuk mengenali misteri-Nya, dan bekerjasama untuk ikut memulihkan kehidupan. — Fr T. Krispurwana Cahyadi SJ, hidupkatolik.com


Sahabat Kecil Yesus

CARI
PERKATAAN
TERSEMBOUNYI




ANAK MANUSIA TERBESAR
BANGKIT KAPERNAUM

Cari objek tersembunyi pada gambar di bawah:
buku, canoe, lobak merah, ikan, magnet, jarum dan benang,
sehiris buah oren, siput, pensel, piring dan sudu




Siapakah yang dipeluk oleh
Yesus?



Jika seseorang ingin menjadi yang
terdahulu, hendaklah ia menjadi
yang



(Markus 9: 35-37)



Hello adik-adik,

Apa khabar? Tahukah adik-adik bahawa dalam kalangan murid Yesus juga ada saling berdebat dan mahu kedudukan yang tinggi?

Namun, siapa yang tidak mahu kedudukan tinggi atau pangkat dan status yang tinggi?

Biasanya orang-orang yang berstatus tinggi ini akan dihormati dan disegani oleh ramai orang.

Tetapi lain pula dengan cara dan pandangan Yesus!

Jika mahu mengikuti Dia, kita haruslah memilih menjadi orang yang 'terendah' menjadi 'hamba' atau 'pelayan'.

Sudah pasti orang-orang yang mendengar Yesus pada ketika itu terkejut dan tidak dapat

menerima.

Siapa yang mahu menjadi pelayan? Siapa yang mahu menjadi hamba?

Yesus bukan menyuruh kita menjadi hamba sebaliknya berhati seperti 'hamba' atau anak kecil yang polos, tidak mempertinggi diri dan tidak mengejar pangkat.

Jika kita asyik mahu "mengangkat" status kita, kita mungkin mengabaikan golongan miskin, mereka yang memerlukan malah menyebabkan kita menjadi sombang.

Menjadi 'besar' dalam kerajaan syurga ialah melayani dengan kerdahan hati, prihatin terhadap mereka yang terbaik dan selalu bersikap baik kepada sesama.

Salam Sayang
Antie Melly

St. Pio dari Pietrelcina
(September 23)

Santo mukjizat dan penerima stigmata.



Warnakan
gambar
ini.

BELIA

Sri Paus nasihati kaum muda: Hadapi masa depan dengan senyuman harapan



JAKARTA: Tidak mengapa jika anda tidak bersetuju dengan rakan anda. Tetapi jangan bertelagah dan jangan sekali-kali berperang. Berdialog dan berdamailah. Perang ialah kekalahan!" ini adalah antara pesan Sri Paus Fransiskus kepada kaum muda di Jakarta.

Di mana-mana kunjungan apostolik luar negara, Sri Paus akan meluangkan waktu untuk bersama dengan kaum muda.

Pada September 4, Bapa Suci mengunjungi *Scholas Occurrentes*, sebuah sekolah projek pendidikan global yang diasaskan oleh Sri Paus Fransiskus yang memfokuskan kepada penglibatan belia dalam pendidikan, seni dan sukan.

Dalam pertemuan ini, Bapa Suci mendengar beberapa perkongsian dari guru dan pelajar.

Salah seorang pelajar, Christine, pernah mengalami buli siber sehingga menyebabkannya mengalami kemurungan. Christine berkongsi kebimbangannya apabila mengetahui bahawa ini juga berlaku kepada ramai orang muda di seluruh dunia.

Bapa Suci menasihati bahawa mencegah buli siber memerlukan pendekatan yang

holistik melibatkan pendidikan dan sokongan.

Prelatus itu menasihati kaum muda agar membantu rakan-rakan yang mengalami masalah buli siber dari segi sokongan emosi serta mengetahui undang-undang berkaitan buli siber.

Bryan, seorang lagi pelajar *Scholas Occurrentes* mengulangi moto negara Indonesia serta menjelaskan, "meskipun kita berbeza kaum dan agama, kita tetap satu".

Da meminta mereka yang hadir melihat sekeliling dan merasai keselesaan meskipun dikelilingi orang yang berlainan bangsa.

Namun Bryan juga mengatakan, meskipun aman tetapi realiti tentang realiti mengenai diskriminasi dan buli siber tetap ada.

Menjawab Bryan, Bapa Suci menegaskan empat prinsip yang wujud bersama iaitu i) Realiti lebih baik daripada idea, ii) perpaduan lebih baik daripada konflik, iii) bersatu lebih baik dari berpecah belah dan iv) bersatu lebih baik daripada sekadar idea. **media Vatikan**

Di Papua New Guinea (PNG), Sri Paus Fransiskus mengatakan kepada para belia bahawa beliau tidak dapat meninggalkan PNG tanpa bertemu dengan para belia kerana mereka adalah harapan untuk masa depan.

Bertemu dengan lebih 10,000 kaum muda di Stadium Sir John Guise, di Pelabuhan Moresby pada September 9, Sri Paus menyeru kaum muda PNG untuk mempraktikkan "bahasa cinta dan pelayanan".

Bapa Suci memetik kisah Alkitab tentang Menara Babel sebagai pengajaran, yang menyedarkan para belia akan dua

cara hidup yang boleh membina atau memusnahkan masyarakat.

Fransiskus menyatakan bahawa PNG ialah sebuah negara muda yang dipenuhi orang muda dan dipanggil untuk "menghadapi masa depan dengan senyuman harapan." — **media Vatikan**

upaya.

Sri Paus Fransiskus menegaskan bahawa cinta terhadap orang-orang terbaik, jelas kelihatan di Sekolah Irmas Alma.

Bapa Suci menyatakan rasa terima kasihnya kepada para Sister dan kakitangan sekolah itu atas semua yang mereka lakukan dan mengucapkan terima kasih kepada penghuni Sekolah itu yang memberi kesaksian dan membenarkan diri mereka dijaga.

"Kanak-kanak ini mengajar kita bagaimana untuk membiarkan Tuhan jaga kita," ujar Bapa Suci.



Di Timor Leste, pada hari kedua berada di negara itu, Sri Paus Fransiskus berkenan melawat sekolah Irmas Alma, sebuah sekolah Katolik yang telah 60 tahun melayani kanak-kanak kurang



CALON PENGUATAN JALANI KEM HIDUP BARU DALAM ROH

KUCHING, Sarawak: Komuniti Hamba EMMAUS dari *Blessed Sacrament Church* (BSC) menganjurkan Kem Remaja Hidup Dalam Roh (LSS) bagi pelajar Sekolah Minggu BSC, Gereja St Peter dan Kapel Bonda Maria.

Kem itu bertujuan mempersiapkan para remaja untuk menerima Sakramen Penguatan.

Dalam salah satu sesi yang bertajuk "Sejarah Penyelamatan", menjelaskan bahawa Yesus datang ke dunia bukan untuk menghukum atau mengadili sebaliknya menyelamatkan semua orang daripada dosa.

Para calon Krisma itu juga didedahkan dengan pelbagai petikan istimewa dari Alkitab yang membantu mereka memahami kasih Yesus yang agung, yang sanggup menderita,

wafat di kayu salib dan bangkit pada hari ketiga demi menebus dosa seluruh umat manusia.

Sebelum menyertai LSS, ramai peserta remaja yang menyatakan mereka berasa, "Tidak selamat, takut tiada kawan, gugup, sunyi, marah, sedih, benci akan diri sendiri, ragu terhadap Yesus, tidak menghormati orang lain, sentiasa jatuh ke dalam dosa dan banyak lagi".

Selepas LSS, iman remaja ini telah ditransformasi. Mereka menyatakan kini mereka, "Selamat, tahu lebih banyak tentang kasih Tuhan, mempunyai ramai kawan baru, bebas, damai, tenang, kepuasan, lebih dekat dengan Tuhan, terdorong untuk terlibat dalam pelayanan Gereja dan ingin menghidupkan api Roh Kudus selama-lamanya". **Today's Catholic**



Sri Paus Fransiskus di Indonesia, September 3-6, 2024

Keamanan, tugas semua orang

JAKARTA: Sri Paus Fransiskus menyampaikan ucapan pertamanya di bumi Indonesia pada September 4, ketika prelatus itu bertemu dengan pihak berkuasa Indonesia, masyarakat sivil dan para diplomat di istana presiden.

Kedatangan Bapa Suci disambut oleh Presiden Joko Widodo, sekumpulan kanak-kanak Indonesia yang memegang bendera Vatikan dan Indonesia dan beberapa anggota pengawal presiden.

Menandatangani Buku Tetamu Kehormat: Sri Paus menulis, "Terpesona dengan keindahan tanah ini, tempat pertemuan dan dialog antara budaya dan agama yang berbeza, saya berharap rakyat Indonesia bertumbuh dalam iman, persaudaraan, dan belas kasihan. Tuhan memberkati Indonesia!"



Di Jakarta, Sri Paus Fransiskus berdialog bersama Presiden Indonesia, Jokowi Widodo di istana negara pada September 4, 2024.

Sri Paus Fransiskus kemudian menegaskan Mukadimah Perlembagaan Indonesia 1945 merujuk kepada "Tuhan Yang Maha Kuasa" dan memetik beberapa kata

"keadilan sosial".

"Perpaduan dalam kepelbagaian, keadilan sosial dan berkat ilahi adalah prinsip dasar yang bertujuan memberi inspirasi dan mem-

bimbang susunan sosial," katanya.

Kesal dengan keganasan akibat pihak berkuasa awam mengenakan keseragaman, Sri Paus Fransiskus berkata bahwa falsafah yang membimbing negara Indonesia adalah "seimbang dan bijak."

Prelatus itu memetik kata-kata pendahulunya, Sri Paus Sto Yohanes Paulus II, semasa santo itu melawat Jakarta pada tahun 1989, orang kudus itu telah menjemput pihak berkuasa Indonesia untuk menghormati "kehidupan manusia" dan "politik semua rakyat" serta menggalakkan "pertumbuhan perpaduan nasional berdasarkan toleransi dan menghormati orang lain."

Keamanan, "ialah usaha dan kerja keadilan" (*opus justitiae pax*), dan ini merupakan tugas setiap orang. **media Vatikan**

Sri Paus Fransiskus di Papua New Guinea, Sept 6-8, 2024

Sebarkan keindahan Injil Kristus dalam kasih



Bapa Suci bertemu dengan penduduk asli di Baro, dekat Vanimo, PNG.

henti. Terima kasih kepada para anggota hidup bakti, katekis dan misionari awam yang tidak pernah berhenti mewartakan firman Tuhan dan menawarkan bantuan melalui pelayanan pastoral, pendidikan, pelayanan kesihatan dan banyak lagi," ujar Sri Paus.

Sri Paus Fransiskus juga menyebut rakyat PNG sebagai "ahli keindahan" yang merujuk kepada tanah mereka yang indah dan kaya akan pelbagai tanaman serta burung.

Sri Paus Fransiskus mengingatkan mereka agar hidup rukun dengan Tuhan dan sesama dengan tetap menghormati "rumah bersama".

Bapa Suci menekankan hal-hal yang lebih indah dalam diri kita "ketika kita saling mencintai dan berdoa."

Katanya, orang yang berdoa mempunyai masa depan. Doa menumbuhkan harapan, menguatkan rohani yang dapat membantu kita menghadapi cabaran kehidupan. **media Vatikan**

Sri Paus Fransiskus di Timor Leste, September 9-11, 2024

Pelihara tradisi yang kaya akan ajaran Roh

DILI, Timor Leste: Dari PNG, Sri Paus Fransiskus melanjutkan kunjungan apostoliknya ke Timor Leste.

Bapa Suci dan rombongannya tiba pada September 9. Ketibaan Bapa Suci disambut oleh Presiden Jose Ramos Horta di Lapangan Terbang Antarabangsa Nicolau Lobato dan sekumpulan kanak-kanak yang mengenakan pakaian tradisional, menyambut, memberi bunga dan memakaikan selendang tradisi kepada Sri Paus.



Kunjungan ini menjadi kunjungan pertama Sri Paus sejak Timor Leste merdeka pada tahun 2002. Sebelumnya, Sri Paus Santo Yohanes Paulus II berkunjung ke negara ini ketika ia masih bernama Timor Timur pada tahun 1989.

Sri Paus Fransiskus memuji "orang-orang di Timor-Leste yang menderita namun bijaksana serta teguh dalam atas semangat harapan, iman dan perdamaian.

"Anda tetap menaruh harapan biarpun di tengah-tengah penderitaan," kata Sri Paus Fransiskus kepada para pemimpin Timor-Leste dalam pertemuan di istana presiden bersama para pegawai kerajaan.

Bapa Suci juga memuji kehidupan keluarga, budaya dan adat istiadat sosial Timor-Leste yang berakar pada Injil sebagai "tradisi yang kaya akan ajaran Roh dan Sabda Bahagia."

Bapa Suci juga menegaskan bahawa bilangan besar belia di negara ini (65 peratus atau 0.8 juta orang daripada 1.3 juta) berumur kurang daripada 30 tahun yang memerlukan pelaburan serius dalam pendidikan. "Melabur dalam pendidikan akan dapat meningkatkan kualiti hidup dan maruah kanak-kanak dan golongan muda," tegas Fransiskus.

Salah satu momen unik di Timor Leste ialah selepas Misa Kudus yang dipimpin Sri Paus di Tasitolus, sekelompok burung terbang dan mengitari tempat Misa yang dihadiri lebih 700,000 ribu penziarah yang hadir. **media Vatikan**

Sri Paus Fransiskus di Singapura, September 11-13, 2024

Pemimpin harus promosi kebaikan bersama

SINGAPURA: Meskipun agama Buddha sangat kuat namun agama Katolik adalah agama yang paling berkembang di Singapura.

Singapura merupakan destinasi akhir Sri Paus Fransiskus dalam rangka lawatannya yang panjang ke Asia dan Oseania, 2-13 September 2024.

Di Singapura, Sri Paus Fransiskus meneckankan masalah jurang ekonomi dan upah di republik itu.

Hal ini disampaikannya semasa bertemu dengan Presiden Tharman Shanmugaratnam, para pegawai kerajaan Singapura, para diplomat dan mahasiswa di *National Universi-*

ty of Singapore (NUS), pada September 12.

Sri Paus mengatakan Singapura adalah negara hub atau tempat pusat aktiviti perniagaan. Ramai orang dari pelbagai latar belakang bertemu di negara seluas sekitar 734 kilometer persegi itu.

"Mereka yang pertama kali ke sini akan kagum dengan bangunan pencakar langit yang moden."

Namun di tengah-tengah pesatnya pertumbuhan infrastruktur dan ekonomi negara tersebut, Sri Paus menyampaikan perlu ada komitmen bersama untuk memperbaiki kualiti hidup masyarakat.

Misalkan membantu rakyat yang mem-

punyai pendapatan rendah melalui penyediaan perumahan umum, pendidikan yang berkualiti serta sistem kesihatan yang baik. Bila pemberaan itu terjadi, masyarakat akan memperoleh manfaat yang optimal.

Ada 1.1 juta orang asing yang memiliki permit izin bekerja di Singapura, berpenghasilan kurang dari S\$ 3,000 sebulan pada Disember 2023, termasuk 286,300 pekerja pembantu rumah dan 441,100 pekerja di sektor pembinaan.

Ramai pekerja migran yang berasal dari negara-negara tetangga seperti Indonesia, Filipina, Malaysia, China, Bangladesh, dan India. **media Vatikan**



Sri Paus Fransiskus bersalaman dengan Kardinal William Goh.

Mari bekerja bina negara

KUALA LUMPUR: Persidangan para Uskup Katolik Malaysia (CBSM) telah mengeluarkan perutusan sempena Hari Malaysia, September 16 yang lalu.

Presiden CBSM, Uskup Agung Dr Simon Poh, menyatakan mengenai Sukan Malaysia (SUKMA) XXI yang berlangsung beberapa minggu yang lalu.

Prelatus itu memuji upacara perasmian dan penutupan SUKMA yang mencerminkan perpaduan Malaysia, meraikan kepelbagaian dan merupakan sebuah perhimpunan pelbagai budaya dan etnik.

Upacara perasmian itu disiarkan oleh Radio TV Malaysia (RTM) secara langsung menggunakan teknologi digital ‘5G-Advanced’ yang inovatif, bagi membolehkan seluruh negara meraikan bakat dan pencapaian generasi muda rakyat Malaysia.

Menurut Uskup Agung Simon, “Berbanding upacara perasmian Olimpik Paris pada bulan Julai lalu, upacara SUKMA yang mengetengahkan perbezaan adalah jauh lebih baik berbanding upacara perasmian Olimpik Paris yang dikritik oleh para pemimpin politik dan agama seluruh dunia, sebagai tidak menghormati dan menyindir perasaan.

“Sketsa jijik yang mempersenda Perjamuan Akhir karya Leonardo da Vinci sesungguhnya mengkhianati semangat kecemerlangan, hormat menghormati dan persahabatan Olimpik, yang seharusnya menggalakkan semangat kesukuan, meraikan budaya dan pendidikan bagi membina dunia yang lebih baik,” tulis Uskup Agung Kuching itu.

Senada dengan ramai rakyat Malaysia memuji upacara SUKMA, dan ramai penonton serta warganet yang mengatakan: “Hebat Sarawak. SUKMA opening



Jalur Gemilang dikibarkan dalam Katedral Hati Kudus, Kota Kinabalu sempena Misa Hari Kemerdekaan pada Ogos 31, 2024.

ceremony lebih hebat daripada Olimpik Paris”, “Paris harus belajar daripada ini,” dan sebagainya.

Uskup Agung Simon percaya apa yang menambat hati rakyat Malaysia ialah matlamat SUKMA yang meraikan perpaduan dan persahabatan kita serta memberi penghormatan sewajarnya kepada pelbagai tradisi kebudayaan dan atlet-atlet muda.

“Inilah semangat sebenar sebagai rakyat Malaysia – dari Sabah, Sarawak dan Semenanjung – yang merayakan Hari Malaysia pada September 16.”

Biarlah tema ‘Malaysia Madani: Jiwa Merdeka’ menjadi satu realiti, yang melambangkan integrasi rakyat Malaysia daripada pelbagai kebudayaan dan etnik.

Ini digambarkan di dalam akronim M.A.D.A.N.I. – dengan setiap huruf yang menggambarkan nilai teras yang perlu diajarkan di dalam cara hidup harian kita di Malaysia:

M: keMampunan
A: kesejAhteraan
D: Daya cipta

A: hormAT
N: keyakiNan
I : Ihsan

Pada dua bulan terakhir, iaitu Julai dan Ogos, Sarawak, Sabah dan Semenanjung telah meraikan tarikh-tarikh pemerintahan sendiri dan kemerdekaan masing-masing.

Oleh sebab itu, presiden CBSM mengajak warga Katolik, “Sempena Hari Malaysia, sebagai warga negara Malaysia, lebih daripada slogan dan kata-kata, marilah kita dengan ikhlas bergandingan tangan dan bekerja untuk membina negara, benar-benar menjadi satu bangsa Malaysia, yang meraikan perpaduan dan kepelbagaian kita, menerima satu sama lain serta menghormati semua agama, kaum dan kebudayaan.”

Perutusan itu diakhiri dengan kata-kata, “Biarlah permohonan, doa, syafaat dan kesyukuran dinaikkan bagi semua manusia — bagi raja-raja dan semua yang memegang kuasa, supaya kita hidup aman tenteram, dalam kesalehan dan penuh hormat.” (1 Timotius 2:1-2)

Yang Menarik dan Yang Lucu

Kamus Komik Katolik

•Amin: Satu-satunya bahagian doa yang dapat difahami oleh semua orang.

•Alkitab: Buku paling terkenal untuk disimpan dalam almari.

•Buletin Paroki: i) Informasi tentang paroki, dibaca hanya pada saat homili. ii) jadi kipas Katolik. iii) tanda seseorang sudah menghadiri Misa.

•Koir: Sekelompok orang yang dengan nyanyianya mempersilakan semua umat lain tutup mulut.

•Air Suci: i) Suatu cairan yang rumus kimianya adalah *H2OLY*.

•Mazmur: Nyanyian pujian, biasanya dinyanyikan tiga oktaf lebih tinggi dari yang dapat dinyanyikan umat.

•Lagu Penutup: Nyanyian pada akhir Misa, biasanya dinyanyikan sedikit lebih santai kerana sebahagian besar umat sudah meninggalkan Gereja.

•Dupa: Asap Kudus!

•Yunus: Kisah ikan jerung yang asli.

•Keadilan: Ketika anak-anak kita mempunyai anak sendiri kelak.

•Para Majus: Trio yang paling tersohor

dalam mendurkan bayi.

●Palungan:

- Tempat di mana Maria melahirkan Yesus kerana Yosef tidak mempunyai jaminan sosial.
- Cara Kitab Suci menunjukkan kita bahawa selalu memilih hiburan dunia sebelum mendatangkan kesukaran.

●Tempat Berlutut: Suatu alat penyekasaan dari abad pertengahan yang masih digunakan dalam Gereja Katolik.

●Perarakan Masuk: Formasi upacara di awal Misa, terdiri dari para pelayan altar, paderi dan umat terlambat datang yang mencari tempat duduk.

●Perarakan keluar: Perarakan upacara pada akhir Misa - diikuti oleh umat yang saling berlumba menuju ke tempat letak kereta.

●Pemungut kolekte: Pemungut cukai.

●Pengumuman Gereja: Masa untuk berfikir lepas Misa terus pulang atau singgah kedai “mi-sup”?

●Pontius Pilatus: Pilot atau pemandu kapal terbang.

●Relik: Orang-orang yang sudah lama menghadiri Misa sehingga mereka benar-benar tahu saatnya untuk duduk, berlutut



serta berdiri.

●Salam Damai: Tibalah masa untuk melihat siapakah yang duduk di belakang, di tepi, di kiri dan kanan.

●Sepuluh perintah Tuhan: Senarai yang jarang dapat dihafal.

●Warden: Orang yang pandai cari bangku kosong.

Kamus komik ini hanyalah gurauan. Jika anda mempunyai kisah lucu, kongsikan bersama kami. E-mel: liza@herald.com.my

PENULIS JEMPUTAN BERKICAU

Misi ialah karya Roh bukan teknik

“Bagaimakah kita dapat memberi inspirasi kepada golongan muda agar mereka dipenuhi dengan semangat meneruskan misi Kristus di dunia? Saya fikir tidak ada ‘teknik’ untuk itu.”

Demikian soalan yang dikemukakan oleh James, seorang katekis kepada Sri Paus Fransiskus. Apa jawaban Sri Paus? Prelatus itu bertanya kembali, “Apakah inti menjadi seorang misionari? Bagaimana kita seharusnya mewartakan Injil?”

Soalan-soalan ini dapat dikemukakan pada semua tempat dan masa, tetapi bukan di Papua New Guinea (PNG), sebuah negara di mana terdapat 841 bahasa berbeza dituturkan.

Dalam pertemuannya dengan pihak berkuasa dan masyarakat awam di Port Moresby pada September 7 lalu, Pengganti Petrus itu menyatakan ketertarikannya terhadap kekayaan budaya dan etnik luar biasa di kepulauan itu, di mana komunikasi adalah rumit, dan katekesis mesti bersaing dengan sejumlah besar bahasa. Cabaran mewartakan Injil di PNG, tiada tandingan di mana-mana di dunia.

“Malah saya berasa, kepelbagaian yang besar ini adalah satu cabaran kepada Roh Kudus untuk mencipta keharmonian di tengah-tengah perbezaan!” katanya.

Menjawab soalan James, Sri Paus menyatakan mewartakan Injil untuk kaum muda, khususnya di PNG adalah dengan menekankan intipati kesaksian Kristian, iaitu “memupuk dan berkongsi kegembiraan menjadi Gereja.”

“Gereja tidak memaksa seseorang menukar agama atau kepercayaan tetapi Gereja berkembang kerana daya tarikannya yang tersendiri!”

Bapa Suci menerangkan lagi bahawa untuk menginjil, tidak perlu menjerit, tidak perlu gimik atau helah.

“Kita hanya perlu bertanya, ‘Apa yang Roh Kudus lakukan untuk saya atau kita pada hari ini?’” Amanat Tuhan untuk keluar dan memberitakan Injil datang dari hati kita. Kita keluar untuk mewartakan Injil suka-suka kerana didorong oleh rasa cinta mendalam terhadap Yesus.

Tidak mungkin anda mengikuti Kristus kerana disuruh atau dipaksa. Semangat Injil hanya dapat membawa hasil jika ia dilakukan dari hati, kerana telah mengalami pertemuan sukacita dengan Yesus dan mahu menyampaikannya kepada orang lain.

Gereja bukanlah sebuah syarikat multinasional yang melancarkan inisiatif dan mesej yang bersifat etika-agama di mana anda menganjurkan acara, menjadi pengurusnya, di mana segala-galanya berlaku mengikut program yang ditetapkan, hanya mengikut arahan. Tetapi pertemuan dengan Kristus, pertemuan yang menyentuh hati tidak berlaku. Ini bukan penginjilan. Ini bukan karya Roh Kudus!

Dalam kekeliruan dan keletihan yang dialami ramai orang Kristian di dunia, hanya kesaksian orang berdosa yang diampuni, kesaksian mereka yang disentuh dan ditransformasi oleh Roh Kudus, dapat mengubah hati yang bersedih menjadi gembira.

Penginjilan sejati menurut Sri Paus ialah wajah-wajah misionari yang tersenyum dan gemilang, misalnya para misionari di PNG, yang melakukan perjalanan berbatu-batu, sama ada berjalan kaki, dengan kereta dan atau dengan pesawat demi mendekati saudara-saudari mereka.

Penginjilan sejati ialah perbuatan dan tindak balas kasih terhadap setiap wanita dan lelaki di tanah alam yang menakjubkan dan berwarna-warni ini.

Kerana “jika anda tertarik kepada Kristus, jika anda bergerak dan bertindak kerana anda tertarik oleh Kristus, orang lain juga melihat aksi anda. Tidak perlu membuktikannya, malah tidak perlu mencanangkannya. Hanya lakukan tindakan kasih dan sukacita anda!” — Andrea Tornielli, media Vatikan

Untuk tangisan Bumi:

Kami berdoa agar setiap daripada kita akan mendengar dan peka akan seruan Bumi dan mangsa bencana alam dan perubahan iklim, dan semua akan berusaha untuk menjaga dunia tempat kita hidup secara peribadi.

September 22, 2024

HERALD sambut ulang tahun ke-30

KUALA LUMPUR: HERALD lahir pada September 8, 1994, dengan penerbitan dua kali sebulan, 12 muka surat dalam bahasa Inggeris dan dijual pada harga 70 sen senaskhah.

Ia adalah permulaan sederhana, namun yang membawa harapan komuniti Katolik yang semakin meningkat dan meminta penerbitan yang lebih kerap.

Dua minggu selepas penerbitan pertamanya, akhbar Katolik itu berkembang menjadi 16 muka surat, menunjukkan permintaan tinggi di kalangan komuniti Katolik.

Setahun kemudian, HERALD melangkah ke hadapan dengan empat seksyen bahasa serta tambahan empat muka surat sekali gus dengan harga hanya 80 sen.

Mac 25, 2001, HERALD bertukar dari pada penerbitan dua minggu sekali kepada penerbitan mingguan. Evolusi ini mencerminkan sifat dinamik dan keperluan komuniti Katolik untuk mengetahui berita tempatan serta global. Era digital bermula pada Ogos 2001, apabila HERALD juga dapat diakses dalam talian.

Menjelang September 28, 2003, HERALD menambah muka surat menjadi 24 dan pada tahun berikutnya, pada Ogos 15, 2004, ia menjadi 28 muka surat, menunjukkan komitmen HERALD untuk menyediakan liputan menyeluruh tentang acara Gereja tempatan dan global.

Pembukaan pejabat HERALD di



Keuskupan Keningau pada tahun 2011, dideklarasikan kepada komuniti penutur bahasa Malaysia dan mengalih-alukan berita dari Malaysia Timur, menandakan komitmen HERALD untuk menangani pelbagai keperluan linguistik dan budaya Katolik di seluruh negara.

Perjalanan HERALD juga telah ditandai dengan peralihan kepimpinan yang ketara. Pada bulan Oktober 28, 2020, HERALD kehilangan penerbit pertamanya iaitu Kardinal Soter Fernandez.

Jun 30, 2021, Fr Lawrence Andrew SJ, pengasas dan Editor pertama HERALD bersara selepas 27 tahun mengetuai HERALD.

Pada Julai 1, 2021, seorang wanita awam,

Dari kiri: Fr Lawrence Andrew SJ, Kevin Francis, RK Samy, Liza Magnus, Patricia Pereira (Editor), Adeline Wong, Amanda Mah, Sandra Ann, Uskup Agung Julian Leow.

Mary Patricia Pereira dilantik sebagai Editor HERALD, sekaligus menjadikannya editor wanita dan awam pertama HERALD.

Peralihan daripada editor paderi kepada orang awam mencerminkan perubahan yang lebih luas dalam Gereja, seiring dengan seruan Sri Paus Fransiskus yang mahu Gereja mengambil lebih ramai orang awam sebagai pemimpin.

Pada September 8, 2024, HERALD merayakan ulang tahun ke-30. Perayaan ulang tahun ini diadakan di Hotel AC, Kuala Lumpur, dihadiri oleh Uskup Agung Julian Leow, mantan Editor HERALD, Fr

Lawrence Andrew, para klerus, religius, kakitangan HERALD dahulu dan terkini serta lebih 200 tetamu.

Dalam majlis ini juga, HERALD melancarkan *pledge card* yang menyokong usaha ROAR (Reforestation Project for a greener future) iaitu kampen pemuliharaan alam dengan bekerjasama dengan *Animal Projects and Environmental Education Sdn Bhd* (APE MALAYSIA).

Sebagai tanda terima kasih yang tidak terhingga kepada pembaca HERALD, 32 muka surat HERALD, kini tampil berwarna penuh!

Keuskupan Sibu lancar kempen PROTEC

SIBU: Pada Musim Penciptaan yang bermula pada September 1 hingga Oktober 10, tahun ini, Sri Paus Fransiskus menyuruh semua umat manusia untuk menjadi agen perubahan, duta harapan, di tengah-tengah perjuangan dunia menentang perubahan iklim dan pemanasan global.

Di peringkat kebangsaan, keuskupan/agung Malaysia melancarkan kempen Lindungi Bumi kita, Lindungi anak-anak kita (PROTEC).

Kini kempen PROTEC memasuki tahun kelima dengan tema: Kurangkan Penggunaan Kertas dan Kayu.

Di Keuskupan Sibu, pelancaran PROTEC Tahun Kelima diadakan pada September 1 dengan Misa Kudus di Katedral Sacred Heart, Sibu.

Kira-kira 300 hadirin menghadiri Misa yang dipimpin oleh Uskup Joseph Hii. Prelatus itu dibantu oleh Fr Philip Hu, Friar Raphael Samosir OFM Cap, dan

paderi Neocatechumenal way, Fr Edward Raymond.

Uskup Joseph menggalakkan para pelajar dari Catholic High, SK Sacred Heart dan SK Hua Hin, yang datang pada hari pelancaran itu agar mengambil kesempatan mengenal panggilan mereka sebagai pengelola ciptaan serta untuk berterima kasih kepada Tuhan atas karya luar biasa melalui alam ciptaan.

Uskup Joseph turut menggalakkan umat agar membuat tindakan-tindakan kecil demi menyelamatkan alam ciptaan Tuhan. "Dalam tindakan kecil anda dan perbuatan mencurahkan enzim ke dalam longkang, anda telah menjadi duta Kristus, membawa harapan kepada orang lain di sekeliling anda," ujar Uskup Joseph. Kemudian, para perwakilan dari 12 paroki di bawah jagaan Keuskupan Sibu, menerima banner PROTEC untuk dibawa kembali ke paroki masing-masing.



Kerjasama Keuskupan Agung KK, KLF demi melestarikan bahasa orang Asal



KOTA KINABALU: Yayasan Bahasa Kadazandusun (KLF) bekerjasama dengan Keuskupan Agung Kota Kinabalu untuk memajukan misi kelestarian bahasa Kadazandusun.

Kerjasama strategik ini sejajar dengan usaha KLF untuk mempromosikan 17 Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) melalui programnya di Sabah dan Malaysia.

Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah KLF, Datuk Philip Lasimbang, menekankan kepentingan kerjasama sedemikian dalam mempelbagaikan inisiatif mereka.

KLF baru-baru ini menaja penerbitan Projek Membaca kaedah Lima Kaedah menurut Urutan Motivasi Monroe, buku yang dikarang oleh Bernadette Peter Lidadun, Dr Nancy Chiu, disokong oleh Uskup Agung John Wong.

Semasa kunjungan hormat kepada Uskup Agung John, Philip menekankan nilai buku itu sebagai sarana melestarikan bahasa Kadazandusun.

"KLF berbesar hati untuk memberikan 100 naskhah percuma buku ini kepada Keuskupan Agung Kota Kinabalu. Ini akan menjadi bahan latihan untuk para aspiran di Seminari Persediaan Aspiran dan para seminarian di Seminari Inisiasi,"

"Kami juga ingin merakamkan setinggi-setinggi penghargaan kepada Keuskupan Agung Kota Kinabalu kerana memberikan kerjasama selama tiga tahun bagi penulis buku membuat kajian di Seminari Kota Kinabalu," kata Philip.

Uskup Agung John mengalih-alukan sumbangan dan penglibatan KLF yang bekerja kuat demi memelihara bahasa Kadazandusun dan terbitnya buku projek membaca itu adalah sejajar dengan inisiatif Dekad Membaca Kebangsaan Malaysia (2020-2030).

Fr Isidore Gilbert, Pengarah Seminari Persediaan Aspiran, memuji keberkesanannya yang menampilkan urutan unik atau strategi dalam membangkitkan perhatian pembaca sekaligus mendorong mereka ke arah matlamat atau tindakan tertentu.

Pengarang buku, Bernadette Peter Lidadun, yang merupakan Pensyarah jemputan Seminari Persiapan Aspiran sejak 2014, menjelaskan buku itu dikembangkan selaras dengan inisiatif Dekad Membaca Kebangsaan (2020-2030).

Buku itu direka untuk meningkatkan literasi, pemikiran kritis, dan kesedaran budaya di samping membantu pembaca mengatasi pelbagai halangan semasa membaca.